

# Hukuman dera amah ditambah 11 tahun

Kosmo 26/11/2011 16

Oleh WAZIHA WAHID  
waziha@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Seorang ibu tunggal menyambut perayaan Tahun Baru Cina dalam suasana muram apabila bukan sahaja rayuan untuk ketepikan hukuman terdahulu ditolak malah Mahkamah Tinggi di sini semalam mengenakan hukuman penjara 11 tahun berbanding lapan tahun sebelum ini kerana mendera bekas pembantu rumah, Siti Hajar Sadli tiga tahun lalu.

Hau Yuan Tyng, 45, hanya mampu mengalirkan air mata sambil ditenangkan ahli keluarga dan peguam, M. Manoharan yang mewakili tertuduh sejurus prosiding selesai di hadapan Hakim Ghazali Cha.

Hakim Ghazali sebelum itu menolak rayuan Yuan Tyng untuk mengeneppikan hukuman terdahulu sebaliknya memerintahkan ejen hartanah tersebut dipenjarakan lima tahun bagi setiap dua tuduhan dera menggunakan air panas dan tukul besi.

Bagi tuduhan ketiga, Yuan Tyng dikenakan hukuman penjara setahun. Kesemua hukuman diarah berjalan secara

berasingan mulai 20 Mei 2010.

Pada 20 Mei tahun lalu, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun ke atas tertuduh bagi tiga tuduhan mendera Siti Hajar, 35, menggunakan air panas, tukul besi dan gunting kebun sehingga mendedahkan kecederaan parah.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di kediaman tertuduh di No. 1-19-1, Lanai Kiara Condominium, Jalan Kiara 3, Mont Kiara di sini antara Februari dan Jun 2009.

Selain hukuman penjara, tertuduh juga diarah membayar ganti rugi sebanyak RM5,000 kepada Siti Hajar.

Terdahulu, ketika penghakiman dibaca, riak wajah Yuan Tyng sudah menampakkan kerisauan bahawa nasib tidak menyebelahi dirinya. Dia juga kerap menoleh ke arah anak perempuannya yang duduk di galeri awam.

Menurut Hakim Ghazali, tiada kemungkinan bahawa mangsa sengaja



SITI HAJAR



KERATAN Kosmo! 19 Jun 2009.

mereka-reka cerita dan mencederakan dirinya bagi menyebabkan tertuduh dalam kesusahan.

“Walaupun saya bersimpati dengan nasib perayu (tertuduh) sebagai ibu tunggal dan mempunyai seorang anak cacat yang terpaksa mencari nafkah untuk menyara hidup tetapi saya tidak lihat sifat keinsafan oleh perayu,” katanya.

Katanya, pembantu rumah tidak sepatutnya dilayan sebagai hamba kerana mereka juga ada perasaan dan memerlukan pembelaan.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara dengan jaminan dinaikkan kepada RM25,000 dan dua penjamin berserta syarat notis rayuan difailkan hari ini.